

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN  
BILANGAN 6 TAHUN 2021**

**PENGURANGAN CUKAI TANAH BAGI PERMOHONAN PECAH BAHAGIAN  
TANAH DI BAWAH SEKSYEN 142, 143A DAN PENYATUAN TANAH DI BAWAH  
SEKSYEN 148 KANUN TANAH NEGARA 1965 TANPA KHIDMAT JURUUKUR  
TANAH BERLESEN**

---

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke-2 Tahun 2021 yang bersidang pada 27hb Januari 2021 telah bersetuju meluluskan cadangan untuk memberikan pengurangan kadar cukai tanah (remisyen) menurut kuasa Kaedah 15, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 bagi tanah-tanah yang dibuat pecah bahagian di bawah Seksyen 142, 143A dan penyatuan tanah di bawah Seksyen 148 Kanun Tanah Negara 1965 tanpa khidmat juruukur tanah berlesen.

2. Pekeliling ini merupakan kesinambungan daripada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke-14 Tahun 2020 yang telah dipekelilingkan melalui Pekeliling Bilangan 11 Tahun 2020 mengenai kaedah pelaksanaan proses pecah bahagian di bawah Seksyen 142, 143A dan penyatuan tanah di bawah Seksyen 148 Kanun Tanah Negara 1965 tanpa khidmat juruukur tanah berlesen.
3. Tujuan pengurangan ini adalah bagi meringankan beban bayaran yang ditanggung oleh rakyat yang telah dikenakan bayaran dengan peningkatan cukai tanah hasil daripada proses pecah bahagian di bawah Seksyen 143A Kanun Tanah Negara 1965 yang melibatkan perubahan syarat nyata daripada pertanian kepada bangunan ekoran terdapat bangunan di atas tanah berkenaan (pelanggaran syarat).
4. Tawaran pengurangan ini hanya tertakluk kepada tempoh tiga (3) tahun kuatkuasa pada tarikh kelulusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan sehingga berakhir tahun 2023.

5. Bagi tujuan penyelarasan, kadar pengurangan cukai tertakluk kepada jumlah petak sebagaimana Jadual 1 di bawah :

BIL	JUMLAH PETAK	KADAR PENGURANGAN CUKAI (%)
1	1 hingga 5 petak	50%
2	6 hingga 10 petak	40%
3	11 petak dan keatas	30%

Jadual 1

6. Berdasarkan tetapan kadar pengurangan cukai pada Jadual 1 di atas, berikut diberikan senario pengiraan pengurangan cukai tanah berdasarkan keluasan tanah :

Luas Tanah	= 1.2141 Hektar (3 Ekar) / 12,141 Meter Persegi
Kadar cukai tanah (Pertanian – Dusun)	= RM 26.00 setahun
Kadar cukai tanah (Bangunan Kediaman)	= RM 1,215.00 setahun

Kadar cukai tanah tahun pertama selepas pengurangan adalah sebagaimana yang diterangkan di Jadual 2 di bawah :

BIL	JUMLAH PETAK	KADAR PENGURANGAN (%)	KADAR CUKAI SELEPAS DIBERI PENGURANGAN (RM)
1	1 hingga 5 petak	50	608.00
2	6 hingga 10 petak	40	729.00
3	*11 petak dan ke atas	30	851.00

Jadual 2

\*tertakluk kepada kadar minima cukai bangunan (kediaman)

7. Permohonan hendaklah dibuat kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan pada setiap tahun dan disertakan dengan bayaran memfail sebanyak RM10.00.

8. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan Pentadbir – Pentadbir Tanah di seluruh Negeri Kelantan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.



**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, (D.P.S.K. Kelantan), K.M.N**

**PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN**

**KEPADA :**

YBhg. Dato'/Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN**

**BLOK 3, KOTA DARULNAIM**

**15576 KOTA BHARU, KELANTAN**

**FAIL : PTG.KN.16/9/31**

**BERTARIKH : 27 RAMADHAN 1442H**

**9 MEI 2020**